



23 Mac 2016  
23 March 2016  
P.U. (A) 68

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT  
GAZETTE*

PERINTAH DUTI SETEM (PENGECUALIAN) 2016

*STAMP DUTY (EXEMPTION) ORDER 2016*



DISIARKAN OLEH/  
PUBLISHED BY  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA SETEM 1949

PERINTAH DUTI SETEM (PENGECUALIAN) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 80(1) Akta Setem 1949 [*Akta 378*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Setem (Pengecualian) 2016**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2015.

**Pengecualian**

2. (1) Pengecualian daripada duti setem adalah diberikan berhubung dengan apa-apa surat cara bagi perjanjian pinjaman atau pembiayaan mengikut syariah yang boleh dikenakan duti setem di bawah subsubbutiran 27(a)(i) Jadual Pertama Akta yang disempurnakan antara suatu Perusahaan Kecil dan Sederhana yang telah mendapat kelulusan untuk insentif di bawah Polisi Laluan Hijau daripada Sekretariat Polisi Laluan Hijau Kementerian Kewangan dengan—

(a) Bank Perusahaan Kecil & Sederhana Malaysia Berhad;

(b) Bank Pembangunan Malaysia Berhad;

(c) Export-Import Bank of Malaysia Berhad;

(d) Bank Pertanian Malaysia Berhad;

(e) Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF); atau

(f) Malaysia Debt Ventures Berhad (MDV).